

# Sindiket edar dadah tumpas

Kesemua dadah yang dirampas bernilai RM5.2 juta

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Seramai 11 individu termasuk seorang wanita ditahan selepas diperlakukan terlibat dalam sindiket pengedaran dadah berketulenan tinggi pada 1 Mac lalu.

Sindiket yang didalangi seorang penjaga stor tumpas selepas diserbu dalam lapan serbuan melalui operasi khas yang dijalankan serentak di empat buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Selangor.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Ramli Din berkata, dengan penaha-



Ramli (tengah) menunjukkan dadah jenis syabu dan ganja berketulenan tinggi yang dirampas pada sidang media di IPK Pulau Pinang semalam.

nan kesemua suspek, polis berjaya merampas 216.81 kilogram (kg) pelbagai jenis dadah.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 103.85kg adalah ganja, 59.71kg syabu, 46.07kg heroin dan 7.18 kg ketamin.

“Kesemua dadah yang dirampas bernilai RM5.2 juta

manakala nilai keseluruhan sitaan adalah RM437,718 melibatkan wang tunai RM51,520 dan seutas jam bernilai RM1,500. Kita turut menyita tujuh buah kenderaan bernilai RM384,698 antaranya Toyota Vellfire, BMW, Volkswagen Polo, Porche Magnum dan Pro-

ton Saga.

“Dadah yang dirampas merupakan dadah yang mempunyai ketulenan yang tinggi contohnya heroin. Heroin yang kita rampas kali ini adalah kelas keempat, biasanya kita rampas (heroin) kelas tiga. Sama seperti ganja, yang kita rampas ini tidak mampat (*loose*) iaitu ketulenan dan kualitinya tinggi,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini semalam.

Beliau berkata, daripada 11 yang ditahan, empat daripada mereka mempunyai hubungan keluarga iaitu anak dan adik-beradik manakala wanita tersebut merupakan isteri kepada dalang sindiket ini.

“Kita turut menahan tiga kanak-kanak iaitu anak kepada dalang sindiket.

“Ahli sindiket yang aktif beroperasi sejak lapan hingga 10 bulan lalu itu ditahan di beberapa lokasi antaranya rumah dan tepi jalan dalam operasi

yang mengambil masa tujuh jam bermula jam 12.30 tengah hari. Dadah tersebut dipercayai untuk pasaran tempatan dan luar negara,” katanya.

Beliau berkata, dadah yang dirampas mampu menampung lebih sejuta penagih sekiranya terlepas di pasaran.

“Enam suspek mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau yang kebanyakannya berkaitan kes dadah. Ujian saringan air kencing pula mendapati lima daripada mereka positif dadah jenis syabu dan opiate.

“Kesemua suspek yang berusia lingkungan 21 hingga 53 tahun itu direman sehingga 8 Mac ini untuk siasatan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sejak Januari lalu hingga kelmarin, polis menahan 33,345 orang dan menyerbu lima buah makmal dadah haram serta merampas RM216 juta dadah di seluruh negara.